A

OMSIVANESAN MUNISAMY

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
UMI KALTHUM MAJID PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-245-2008]
16 JUN 2009

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Habeas corpus - Permohonan - Sama ada perlanggaran s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Sama ada wujud ketidakpatuhan per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan - Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 - Sama ada permohonan ditolak*

D

Pemohon telah memfailkan usul untuk memohon supaya suatu writ *habeas corpus* dikeluarkan yang memerintahkan supaya pemohon dibebaskan dengan segera dari tahanan. Tahanan pemohon adalah berdasarkan perintah tahanan bertarikh 13 Jun 2008 yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia ("TMDN') di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta itu'). Pemohon menimbulkan isu-isu berikut (i) sama ada perlanggaran s. 6(1) Akta itu kerana TMDN telah menyatakan bahawa pemohon '... pernah ada atau sedang ada kaitan' dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Ini menunjukkan bahawa TMDN tidak pasti sama ada pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan. TMDN juga keliru dengan kawasan yang didakwa pemohon bergiat aktif; (ii) sama ada perlanggaran per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan k. 4 dan 5 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ('Kaedah-Kaedah itu') itu kerana Lembaga Penasihat telah menolak permohonan pemohon untuk menangguh sebentar pendengaran representasinya untuk membolehnya mempastikan sama ada peguam caranya akan hadir atau tidak di persidangan pada 27 Ogos 2008 dan ini telah menafikan hak pemohon untuk diwakili oleh peguamnya; (iii) sama ada pegawai siasatan gagal menjalankan tugasnya seperti

E

F

G

H

I

dikehendaki di bawah s. 5(3)(b), (c) dan (d) Akta itu kerana telah gagal menjalankan tugasnya di bawah s. 5(3)(c); (iv) sama ada perlanggaran per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan memandangkan tiada sebarang dokumen sokongan dikemukakan oleh responden untuk menunjukkan pengerusi dan ahli lembaga penasihat dalam kes pemohon telah dilantik secara rasmi dan tarikh mereka dilantik; (v) sama ada perlanggaran k. 5 Kaedah-Kaedah itu kerana lembaga penasihat telah membenarkan kehadiran Pegawai Pengendali Polis tanpa kehadiran pemohon dan kehadiran Pegawai Pengendali Polis semasa pendengaran representasi pemohon adalah tidak sah kerana tidak diperuntukkan di bawah k. 5 Kaedah-Kaedah itu.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Tiada kekeliruan pada minda TMDN semasa membuat perintah tahanan kerana adalah jelas tujuan beliau membuat perintah tahanan itu adalah demi mengekangkan aktiviti pengedaran dadah oleh pemohon. Perkataan 'atau' itu hendaklah dibacakan 'conjunctively', as both alternatives refer to one and the same object, being the trafficking in dangerous drugs.' Begitu juga tiada apa-apa kekeliruan tentang kawasan yang didakwa pemohon bergiat aktif mengedar dadah sebagaimana yang diperihalkan dalam perintah tahanan itu berbanding dengan afidavit jawapan TMDN. Ianya merujuk kepada tempat yang sama walaupun terdapat penggunaan bahasa yang berlainan sedikit. Oleh yang demikian, tiada perlanggaran peruntukan s. 6(1) Akta itu. (perenggan 6 & 7)

(2) Ketidakhadiran peguam pemohon pada pendengaran pada 27 Ogos 2008 setelah diberi secukup notis tentangnya tidaklah boleh tergolong dalam ertikata ketidakpatuhan per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dalam peruntukan kaedah-kaedah itu oleh lembaga itu. Segala peluang telahpun diberi kepada pemohon untuk membuat representasinya sekalipun dengan kehadiran peguamnya. Lembaga penasihat memang tidak mempunyai masa yang lama untuk menangguhkan sesuatu pendengaran itu dan terpulanglah kepada pemohon untuk memastikan beliau melantik seseorang peguam yang bukan sahaja 'willing/boleh' tetapi juga yang 'able/mampu' membawa kesnya. (perenggan 15)

(3) Pegawai siasatan tidak terikat oleh undang-undang untuk menjalankan keperluan perenggan (a) hingga (d) s. 5(3) Akta itu. Oleh itu, isu yang ditimbulkan oleh pemohon mengenai perkara ini adalah tidak bermerit (*Muhammad Jalaini Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia and Ors* dan *Inspector General of Police and Ors v. Rajoo s/o Ramasamy)*. (perenggan 17)

(4) Perlantikan pengerusi dan ahli lembaga penasihat itu tidak diwajibkan diwartakan di bawah per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan. Adalah memadai bagi setiausaha lembaga penasihat untuk mengikrarkan tentang pelantikan pengerusi dan ahli lembaga penasihat seperti yang terdapat di perenggan 14 yang dibacakan bersama-sama perenggan 2 afidavit. Lagipun, Setiausaha Lembaga itu telah mengguna pakai peruntukan s. 14 Akta itu di perenggan 2 afidavitnya dan dengan itu telah menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah seksyen itu dan isu ini tidak boleh dipertikaikan lagi. (perenggan 18)

(5) Lembaga penasihat mempunyai budibicara yang luas apabila menentukan tatacaranya. Di bawah k. 10(2)(b) Kaedah-kaedah, Lembaga mempunyai budibicara untuk memanggil pegawai polis bagi membentangkan dan membantu lembaga penasihat dalam membentangkan kes serta maklumat siasatan dalam kes pemohon. Adalah jelas apabila lembaga penasihat telah membangkit keistimewaan dan perlindungan di bawah per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan dan s. 14 Akta itu, mahkamah ini tidak mempunyai kuasa untuk menyoal sama ada lembaga penasihat telah melaksanakan budibicaranya itu dengan betul atau tidak. (perenggan 19)

Kes-kes yang dirujuk:

Inspector General of Police & Ors v. Rajoo Ramasamy [1989] 1 CLJ 1039; [1989] 1 CLJ (Rep) 45 SC ***(dirujuk)***

Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2007] 5 CLJ 171 CA ***(dirujuk)***

Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor [2003] 4 CLJ 116 HC ***(dirujuk)***

Lim Thian Hok & Ors v. Minister of Home Affairs & Anor [1992] 4 CLJ 2289; [1992] 2 CLJ (Rep) 781 HC ***(dirujuk)***

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam And Another Case [1993] 4 CLJ 336 SC ***(dirujuk)***

Mok Han Liang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1996] 3 CLJ 122 HC ***(dirujuk)***

Morgan Perumal v. K/I Hussien Abdul Majid & Ors [1998] 3 CLJ 629 CA ***(dirujuk)***

Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(3), 5(1), 5(3)(a), (b), (c), (d), 5(4), 6(1), 9(3), 14

Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) Rules 1987, rr. 4, 5, 10(2)(b)

Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, s. 4(1)

Federal Constitution, arts. 5(3), 151(1)(a), (b), (2), (3)

Bagi pihak pemohon - En Subramaniam
Bagi pihak responden - En Zaf'an Zafri

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Majid PK:

Permohonan

[1] Pemohon telah memfailkan usul untuk memohon supaya suatu writ *habeas corpus* dikeluarkan yang memerintahkan supaya pemohon dibebaskan dengan segera dari tahanan.

[2] Tahanan pemohon adalah berdasarkan perintah tahanan bertarikh 13 June 2008 yang dibuat oleh Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia ("TMDN") ("Perintah Tahanan"). Perintah Tahanan itu telah dibuat di bawah sub-s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ("Akta itu"). Di bawah Perintah Tahanan itu, pemohon diperintahkan ditahan selama dua tahun mulai dari 15 June 2008 di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor ("PPA Muar"). Pemohon telah dihantar ke PPA Muar pada 16 June 2008.

Alasan Permohonan

[3] Notis usul dan afidavit sokongan permohonan pemohon mengemukakan tiga alasan utama bagi permohonannya, iaitu:

(i) terdapat pelanggaran hak pemohon di bawah per. 5(3) dan per. 151 Perlembagaan Persekutuan;

A (ii) terdapat pelanggaran ss. 3(3), 5(1), 5(3)(a), 5(4), 6(1) dan 9(3) Akta itu;

(iii) terdapat pelanggaran kk. 5 dan 10 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur B Lembaga Penasihat) 1987 ("Kaedah-Kaedah itu").

[4] Ketika permohonan ini dibicarakan, Encik Subramaniam Nair, peguam cara bijaksana, pemohon telah menekankan pada mulanya dua isu iaitu:

C (i) tentang pelanggaran s. 6(1) Akta itu semasa TMDN mengeluarkan Perintah Tahanan itu. Ini adalah oleh kerana TMDN telah tidak menggunakan mindanya secara khususnya semasa menggunakan kuasanya di bawah s. 6(1) apabila TMDN telah dalam Perintah Tahanan itu menyatakan bahawa D pemohon " ... pernah ada atau sedang ada kaitan ..." dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya. Ini menunjukkan bahawa TMDN tidak pasti sama ada pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan. Sedangkan dalam "Alasan-Alasan Yang E Atasnya Perintah Itu Dibuat" dan "Pengataan-Pengataan Fakta Yang Atasnya Perintah Itu Dibuat" menunjukkan pemohon hanya pernah ada kaitan dan tarikh-tarikh yang terpapar adalah tarikh-tarikh yang lepas, iaitu "2006 hingga 16 April 2008". TMDN juga keliru tentang kawasan yang didakwa pemohon F bergiat aktif sebagaimana yang terkandung dalam ms. 10 hujahan peguam cara pemohon yang bijaksana itu;

(ii) tentang pelanggaran per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan k. 4 & 5 Kaedah-Kaedah itu. Bahawa apabila Lembaga G Penasihat telah menolak permohonan pemohon untuk menangguh sebentar pendengaran representasinya untuk membolehnya mempastikan sama ada peguam caranya akan hadir atau tidak di persidangan pada 27 Ogos 2008, ini telah menafikan hak pemohon untuk diwakili oleh peguamnya.

H **Keputusan**

[5] Setelah meneliti semua afidavit yang difailkan, termasuklah permohonan pemohon dan afidavit sokongan permohonan pemohon dalam kandungan (2), serta hujahan-hujahan kedua-dua I pihak, mahkamah telah menolak permohonan pemohon itu berdasarkan alasan-alasan seperti berikut.

Pelanggaran s. 6(1) Akta Itu

[6] Saya menerima pakai tafsiran sub-s. 6(1) Akta itu sebagaimana yang ditafsirkan oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman (pada masa itu) Vincent Ng dalam kes *Lim Thian Hok & Ors v. Minister of Home Affairs & Anor* [1992] 4 CLJ 2289; [1992] 2 CLJ (Rep) 781 HC sebagai tafsiran yang sepatutnya diberi kepada peruntukan sub-s. 6(1) itu. Oleh itu perkataan "atau" itu hendaklah dibacakan "conjuctively, as both alternatives refer to one and the same object, being the trafficking in dangerous drugs". Saya berpendapat tiada kekeliruan pada minda TMDN semasa membuat Perintah Tahanan kerana adalah jelas tujuan beliau membuat Perintah Tahanan itu adalah demi mengekangkan aktiviti pengedaran dadah oleh pemohon. Otoriti-otoriti yang dirujukkan oleh peguam cara pemohon yang bijaksana, iaitu, *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam And Another Case* [1993] 4 CLJ 336, *Morgan Perumal v. K/I Hussien Abdul Majid & Ors* [1998] 3 CLJ 629 dan *Mok Han Liang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1996] 3 CLJ 122, tidak terpakai dalam konteks isu ini kerana kes-kes ini adalah mengenai peruntukan sub-s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, yang adalah berlainan daripada peruntukan sub-s 6(1) Akta itu. Walaupun peguam cara yang bijaksana telah juga merujuk kepada kes *Kumareshan Subramaniam v. Dato' Chor Chee Heung & Anor* [2003] 4 CLJ 116, di mana peruntukan sub-s. 6(1) akta itu dibangkitkan, namun kes tersebut juga tidak terpakai dalam konteks kes kita ini kerana dalam kes *Kumareshan* menteri telah gagal untuk menyatakan dalam peruntukan pemohon adalah perlu bagi ketenteraman awam.

[7] Begitu juga saya dapati tiada apa-apa kekeliruan tentang kawasan yang didakwa pemohon bergiat aktif mengedar dadah sebagaimana yang diperihalkan dalam Perintah Tahanan itu berbanding dengan perenggan 14 afidavit jawapan TMDN. lanya merujuk kepada tempat yang sama walaupun terdapat penggunaan bahasa yang berlainan sedikit.

[8] Oleh yang demikian saya dapati tiada pelanggaran peruntukan s. 6(1) Akta itu.

A **Pelanggaran Perkara 151(a) Perlembagaan Persekutuan/ Kaedah 4 Dan 5 Kaedah-kaedah Itu**

[9] Adalah tidak dinafikan bahawa menurut per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan seseorang yang ditahan di bawah
B sesuatu perintah tahanan mestilah diberi peluang untuk membuat representasi kepada lembaga penasihat. Prosedur untuk membuat representasi itu adalah diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah itu. Mengikut peguam cara pemohon, pemohon tidak diberi hak membuat representasi yang secukupnya sebagaimana yang
C diperlukan.

[10] Untuk memahami bagaimana isu ini berbangkit, saya perlu membentangkan serba sedikit fakta berhubungan dengannya. lembaga penasihat telah menetap tarikh pendengaran representasi
D pemohon yang pertama pada 22 July 2008 jam 10.30 pagi di PPA Muar melalui Borang II yang bertarikh 7 Julai 2008 yang dihantar kepada pemohon. Pada tarikh tersebut pendengaran terpaksa ditangguh apabila pemohon secara lisan memaklumkan kepada lembaga penasihat bahawa peguamnya, Encik R. Thayalan, baru
E dilantik oleh pihak keluarganya dan bahawa peguamnya itu baru sahaja berjumpa dengannya. Lembaga Penasihat seterusnya telah menetap 19 Ogos 2008 jam 10.30 pagi di PPA Muar sebagai tarikh baru pendengaran representasi pemohon dan telah menghantar borang II bertarikh 22 Julai 2008 kepada pemohon
F bagi memberitahu pemohon tentang tarikh baru pendengaran representasinya itu. Pemohon telah juga dimaklumkan secara lisan (lihat perenggan 5 afidavit jawapan Yus Yulandy bin Md Jaafar dalam kandungan (16)).

[11] Persidangan representasi pemohon terpaksa ditangguh sekali
G lagi pada 19 Ogos 2008 kerana peguam pemohon, Encik R. Thayalan, tidak dapat hadir atas alasan tidak sihat. Peguam pemohon telah menghantar surat memohon penangguhan bertarikh 19 Ogos 2008 (dalam eks. "YY3").

H **[12]** Pada 19 Ogos 2008 pihak lembaga penasihat telah hantar satu lagi Borang II kepada pemohon untuk memberitahunya bahawa lembaga penasihat akan bersidang untuk mendengar representasinya pada 27 Ogos 2008 jam 9.30 pagi di PPA Simpang Renggam, Johor. Surat juga telah dihantar kepada peguam
I pemohon oleh pihak lembaga penasihat melalui surat bertarikh 22 Ogos 2008 untuk memaklumkan beliau tentang tarikh baru persidangan lembaga. Surat ini telah difaksimilikan kepada pejabat peguam pemohon pada 22 Ogos 2008 jam 11.46 pagi di mana

pihak lembaga penasihat telah menerima maklum balas faksimili itu sebagai "OK" yang bermaksud ianya telah dengan jayanya dihantar (lihat eks. "YY3" dalam afidavit Yus Yulandy bin Md Jaafar yang sama serta afidavit balasan Yus Yulandy dalam kandungan (34)).

[13] Lembaga penasihat telah mendengar representasi pemohon pada 27 Ogos 2008 di PPA Simpang Renggam, Johor dengan kehadiran pemohon sendiri. Tetapi peguam pemohon, Encik R. Thayalan tidak hadir. Lembaga Penasihat telah memutus untuk berbuat demikian oleh kerana pendengaran representasi pemohon telah ditangguhkan dua kali sebelum itu dan secukup notis tentang tarikh pendengaran pada 27 Ogos 2008 telah pun diberi kepada pemohon dan peguamnya.

[14] Mengikut peguam pemohon dalam afidavit tambahan yang diikrarkan pada 7 May 2009 di kandungan (27) di perenggan 7, beliau hanya menerima surat dari lembaga penasihat bertarikh 22 Ogos 2008 melalui faks selepas tarikh 27 Ogos 2008 kerana mesin faks di pejabatnya pada ketika itu rosak dan beliau tidak sedar tentang perkara ini kerana beliau tidak masuk ke pejabat untuk beberapa hari atas sebab tidak sihat (diperhatikan tidak dinyatakan tarikh sebenar Encik R. Thayalan telah menerima surat itu). Beliau hanya sedar bahawa mesin faks pejabatnya rosak setelah beliau menerima surat tersebut melalui pos selepas tarikh 27 Ogos 2008. Oleh kerana itu beliau tidak hadir di persidangan lembaga penasihat pada 27 Ogos 2008.

[15] Berdasarkan fakta-fakta tersebut di perenggan 10-14 di atas, saya menolak hujahan peguam pemohon bahawa terdapatnya pelanggaran per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan kk. 4 dan 5 Kaedah-Kaedah itu. Saya dapati segala peluang telah pun diberi kepada pemohon untuk membuat representasinya, sekalipun dengan kehadiran peguamnya. Ketidakhadiran peguam pemohon pada pendengaran pada 27 Ogos 2008 setelah diberi secukup notis tentangnya tidaklah boleh tergolong dalam ertikata ketidakpatuhan per. 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dalam peruntukan kaedah-kaedah itu oleh lembaga itu. Lagipun pemohon memang telah pun membuat representasinya di hadapan lembaga penasihat itu. Perlu diingatkan bahawa di bawah peruntukan per. 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan Lembaga Penasihat dikehendaki mendengar representasi seseorang pemohon itu dan membuat syor-syor terhadap perintah tahanannya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan representasinya (walaupun tempoh ini boleh dipanjangkan tetapi ianya hanya atas kebenaran Yang di-Pertuan Agong). Pihak lembaga penasihat telah

menerima borang 1 pemohon pada 23 June 2008 dan ini bermakna bahawa lembaga penasihat perlu mengemukakan syor-syornya tidak lewat dari 22 September 2008. Lembaga Penasihat memang tidak mempunyai masa yang lama untuk menangguhkan sesuatu pendengaran itu dan terpulanglah kepada pemohon untuk memastikan beliau melantik seseorang peguam yang bukan sahaja "willing"/boleh tetapi juga yang "able"/mampu membawa kesnya.

Lain-lain Isu

[16] Peguam pemohon telah memohon mahkamah untuk menimbang juga lain-lain isu yang dibangkitkan oleh beliau terutama sekali di perenggan D3(iii), D4 dan D5 dalam hujahannya sekiranya mahkamah ini tidak memihaknya mengenai dua isu di atas. Oleh itu saya akan menumpukan alasan saya terhadap tiga perenggan yang disebutkan oleh peguam pemohon itu.

Isu Di Perenggan D3 (iii)

[17] Bahawa pegawai siasatan gagal menjalankan tugasnya seperti dikehendaki di bawah s. 5(3)(b), (c) dan (d) Akta itu kerana telah gagal menjalankan terutama sekalinya tugasnya di bawah s. 5(3)(c). Bagi saya, isu ini tidak bermerit. Saya bersetuju dengan hujahan peguam persekutuan bahawa pegawai siasatan tidak terikat oleh undang-undang untuk menjalankan keperluan perenggan (a) hingga (d) s. 5(3) Akta itu. Peruntukan s. 5(3) dengan jelasnya merupakan suatu peruntukan yang membolehkan pegawai penyiasat melakukan perkara-perkara yang tersenarai di perenggan (a) hingga (d) itu. Saya rujuk kepada otoriti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687, di mana Augustine Paul HMR (pada masa itu) telah merujuk kepada kes Mahkamah Agung *Inspector-General of Police & Ors v. Rajoo Ramasamy* [1989] 1 CLJ 1039; [1989] 1 CLJ (Rep) 45; dan telah memetik dari kes itu dan menyatakan seperti berikut:

> Fundamentally, the learned judge came to that conclusion on the strength of the words 'shall inquire' appearing in s. 5(2). But where he went wrong was that he completely omitted to consider the opening words of sub-s (3) which reads:
>
> An Inquiry Officer may, in his discretion, for the purpose of sub-s 2:

(a) require ...

These words were crucial to a proper interpretation of the meaning of 'inquiry' under s. 5(2) of the Act.

If the learned judge had given due regard to these words, he would not, in our view, have come to the conclusion that he did. The language used in s. 5 of the Act is crystal clear.

In our view, the words used in sub-s (2) read in the light of the whole sub-s. (3) make it abundantly clear that discretion rests with the inquiry officer. It is for the inquiry officer in a particular case to decide whether to exercise any of the powers. In other words it is for the inquiry officer to decide whether, for the purpose of the inquiry, to invoke any powers in the relevant paragraphs. Whether there is a need to do so would depend primarily on whether, having regard to the complete report submitted to him by the police investigating officer and on the materials submitted, he could be satisfied there were reasonable grounds to found his belief. If any inquiry officer is satisfied, after examining and considering the materials contained in the complete report, that there are reasonable grounds for believing that such person has been or is associated with trafficking activities, the need to call any witness or to procure any document does not arise. It is therefore only in cases where the inquiry officer, on the materials contained in the report submitted to him, is unable to satisfy himself that there are reasonable grounds to found his belief that such person is associated in trafficking activities, that the need to exercise his discretion arises. It would perhaps be proper to say that he ought to exercise the discretion if it is only by so doing that he can properly decide.

In our judgment, therefore, the learned judge erred in law in holding that it is imperative for the inquiry officer invoke the powers contained in the relevant paragraphs to constitute a valid inquiry under s. (2) of s. 5 of the Act. The duty is that of the inquiry officer to be satisfied that there are reasonable grounds for believing that the person has been or is associated with trafficking activities. In carrying out his duty he has a discretion whether or not to call witnesses. And it is not mandatory that he should invoke the powers contained in sub-s. (3) of s. 5 of the Act.

A It is clear from the above passage that it is not mandatory for the inquiry officer to carry out an inquiry under s. 5 of the Act. It is for him to decide whether to exercise any of the powers in s. 5 of the Act ...

B **Isu Di Perenggan D4**

[18] Terdapat pelanggaran per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan memandangkan tiada sebarang dokumen sokongan dikemukakan oleh responden untuk menunjukkan Pengerusi dan Ahli Lembaga Penasihat dalam kes pemohon telah dilantik secara rasmi dan tarikh C mereka dilantik. Saya dapati isu ini juga tidak bermerit. Saya bersetuju dengan hujahan peguam Persekutuan bahawa pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Penasihat itu tidak diwajibkan diwartakan di bawah per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan. Lagipun, berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes D *Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2007] 5 CLJ 171, adalah memadai bagi setiausaha lembaga penasihat melalui afidavit jawapannya yang diikrarkan pada 13 March 2009 untuk mengikrarkan tentang pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Penasihat seperti yang E terdapat di perenggan 14 yang dibacakan bersama-sama perenggan 2 afidavit tersebut. Lagipun, setiausaha lembaga itu telah mengguna pakai peruntukan s. 14 Akta itu di perenggan 2 afidavitnya dan dengan itu telah menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah seksyen itu dan isu ini tidak boleh F dipertikaikan lagi.

Isu Di Perenggan D5

[19] Terdapat pelanggaran k. 5 Kaedah-Kaedah itu kerana G Lembaga Penasihat telah membenar kehadiran Pegawai Pengendali Polis tanpa kehadiran pemohon dan kehadiran Pegawai Pengendali Polis semasa pendengaran representasi pemohon adalah tidak sah kerana tidak diperuntukkan di bawah k. 5 Kaedah-Kaedah itu. Saya juga dapati isu ini tidak bermerit. Peguam cara pemohon H telah cuba membaca peruntukan Kaedah-Kaedah itu, khususnya k. 5, dengan tersendirinya (in isolation) tanpa mengambil kira peruntukan k. 10 Kaedah-Kaedah itu, untuk mengukuhkan hujahannya. Adalah jelas bagi saya bahawa pihak Lembaga Penasihat mempunyai budibicara yang luas apabila menentukan I tatacaranya. Bagi maksud isu yang dibangkitkan oleh peguam cara pemohon, saya bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa Lembaga mempunyai budibicara di bawah k. 10(2)(b)

untuk memanggil pegawai polis bagi membentangkan dan membantu Lembaga Penasihat dalam membentangkan kes serta maklumat siasatan dalam kes pemohon. Lagipun, mengikut afidavit jawapan Yus Yulandy bin Mohd Jaafar, Setiausaha Lembaga Penasihat, yang diikrarkan pada 13 Mac 2009, di perenggan 11:

> ... saya sesungguhnya ... juga menegaskan bahawa setelah Pemohon mengemukakan representasi serta pembelaan Pemohon di hadapan Lembaga Penasihat, Pemohon perlu diarahkan keluar dari bilik persidangan bagi membolehkan pihak Lembaga Penasihat memanggil Pegawai Polis yang mengendalikan kes fail ke persidangan representasi untuk membentangkan keterangan-keterangan bertulis dari mangsa-mangsa, saksi-saksi dan maklumat-maklumat risikan terhadap aktiviti-aktiviti Pemohon yang mana kesemua dokumen-dokumen ini telah diklasifikasikan sebagai rahsia. Atas dasar tersebut, kehadiran Pemohon tidak dibenarkan sama sekali semasa pembentangan fakta-fakta berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Pemohon kerana ia akan mengancam keselamatan mangsa-mangsa dan saksi-saksi yang telah memberi maklumat berkaitan aktiviti Pemohon. Oleh itu, adalah menjadi pendapat Lembaga Penasihat bahawa jika Pemohon dibenarkan berada di bilik persidangan semasa pembentangan fakta-fakta berkenaan terhadap aktiviti-aktiviti Pemohon, ia adalah bertentangan dengan kepentingan negara sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 14 Akta tersebut ... Oleh yang demikian, Lembaga Penasihat menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan dan undang-undang tersebut.

Adalah jelas apabila lembaga penasihat telah membangkit keistimewaan dan perlindungan di bawah per. 151(3) Perlembagaan Persekutuan dan s. 14 Akta itu, mahkamah ini tidak mempunyai kuasa untuk menyoal sama ada lembaga penasihat telah melaksanakan budibicaranya itu dengan betul atau tidak.